

15/08/1999

Barangan tempatan setanding import: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Malaysia menanamkan semangat patriotik dengan mengutamakan barangan tempatan yang mutunya setanding barangan import.

Serentak itu, Perdana Menteri meminta pengilang memastikan barangan keluaran mereka bukan saja bermutu dan mematuhi risalah yang dikeluarkan, tetapi mencapai mutu antarabangsa.

"Rakyat perlu yakin ada barangan tempatan yang dikeluarkan rakyat negara ini lebih bermutu berbanding barangan import, termasuk dari negara maju.

"Kita mahu rakyat Malaysia percaya dengan produk kita kerana bukan saja harganya lebih murah, tetapi bermutu tinggi," katanya ketika merasmikan Ekspo Cintai Malaysia '99 di Pusat Pameran Mines, di sini semalam.

Pameran terbesar di Malaysia selama 10 hari berakhir 22 Ogos ini, dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor, disertai 335 syarikat tempatan.

Ekspo yang disertai oleh wakil negara asing itu juga memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan buatan Malaysia pada harga menarik dan berpatutan.

"Rakyat perlu membeli keluaran tempatan walaupun harganya sama barangan import kerana ini dapat membantu meningkatkan keluaran barangan tempatan," katanya sambil menambah rakyat negara ini masih menganggap barangan import lebih baik.

Dr Mahathir berkata, adalah sukar memujuk rakyat Malaysia untuk membeli barangan tempatan walaupun dihasilkan menggunakan bahan mentah dan rakyat tempatan.

Katanya, ada pakaian yang dibeli rakyat Malaysia di luar negara, sebenarnya dikeluarkan daripada kilang negara ini.

"Rakyat negara lain bersedia menerima barangan keluaran Malaysia. Kini, rakyat Malaysia bukan saja perlu mempunyai semangat partriotisme tetapi sedar keluaran kita lebih bermutu.

"Kita perlu bersedia membayar lebih untuk membeli keluaran tempatan yang mutunya lebih baik dan lebih menarik daripada barangan import. Ia penting, jika tidak, kita tidak akan mempunyai pasaran untuk barangan sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, pameran itu boleh menanam semangat cintakan negara dan menggalakkan rakyat membeli barangan tempatan.

"Kita perlu yakin dan membeli barangan tempatan supaya pengilang menambah keluaran serta membantu pengeksport memasarkan barangan ke luar negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau menekankan mengenai keperluan rakyat membeli barangan tempatan, tetapi ia tidak bermakna Malaysia akan berhenti mengimport barangan dari negara lain.

"Dengan mengimport barangan itu, ia bukan saja memberi kesenangan kepada rakyat sendiri, tetapi juga membantu negara membangun, termasuk negara jiran di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kini sudah keluar daripada krisis ekonomi berdasarkan beberapa petunjuk, termasuk peningkatan jualan kenderaan dan hartanah.

Beliau menjelaskan mengenai pendekatan Malaysia melaksanakan kawalan pertukaran mata wang memilih dalam menangani krisis itu, tanpa mengharapkan bantuan dari Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Katanya, menerusi langkah itu, Malaysia dapat menangani spekulator asing

yang sebelum ini bukan saja menyerang mata wang, tetapi menyebabkan pasaran saham tempatan kerugian berbilion ringgit.

(END)